

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MOHAMED HANIPA  
BIN MAIDIN  
(SEPANG)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-**

- a) apakah rasional dan justifikasi penutupan kem tentera di Majidee, Johor Bahru sedangkan lokasinya yang amat strategik yang berdekatan dengan pintu masuk ke Malaysia di bahagian Selatan; dan
- b) benarkah wujudnya pencerobohan masuk golongan penceroboh dari Sulu atau penceroboh lain melalui Pengerang dan jika ada, siapakah identiti penceroboh-penceroboh tersebut.

## **JAWAPAN:**

Penyerahan tanah dan penutupan Kem Majidee dibuat kerana kem berkenaan terletak di dalam kawasan yang pesat membangun. Dari aspek keselamatan jangka panjang, kedudukan kem ini tidak lagi sesuai di atas faktor-faktor berikut:

- a. *Buffer zone* yang semakin terhad boleh mendatangkan risiko keselamatan kepada pasukan Tentera Darat (TD).
- b. Kawasan latihan bagi pasukan TD yang terbabit semakin terhad.
- c. Aturgerak pasukan TD juga turut terjejas.

Penempatan semula unit-unit dari Kem Majidee ini tidak bermakna bahawa keselamatan dan pertahanan Negeri Johor diabaikan. Malahan kekuatan barisan pertahanan di bahagian Selatan Semenanjung Malaysia, tidak terjejas kerana unit-unit TD yang terlibat masih ditempatkan di lokasi yang lebih strategik di dalam negeri tersebut bagi menghadapi sebarang ancaman.

**Mengenai isu pencerobohan, tiada sebarang petunjuk atau indikasi yang menunjukkan wujudnya elemen pencerobohan Sulu atau lain-lain pencerobohan yang menyusup masuk melalui Pengerang.**